

# Jangan berbalah isu tudung

**KUALA LUMPUR** 25 Mac - Pakaian tudung di kalangan anggota polis tidak perlu dijadikan perbalahan kerana peraturan sedia ada sudah jelas dan tidak menimbulkan masalah, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri menjelaskan, pemakaian tudung hanya diwajibkan ketika berkawat di majlis-majlis rasmi sahaja dan tidak melibatkan tugas-tugas harian yang biasa.

"Ini peraturan yang dibuat oleh polis, untuk pakaian hari-hari, pemakaian tudung hanya pilihan, bukan wajib, kecuali untuk perbarisan rasmi, kena ikut peraturan.

"Tidak ada masalah...perbalahan yang akan timbul (jika pemakaian tudung dijadikan isu), semua pasukan ada uniform, semua anggota perlu patuh," tegas beliau.

Bercakap pada sidang akhbar selepas sambutan Peringatan Hari Polis Ke-199 di sini hari ini, Abdullah berkata bertudung adalah termasuk dalam pakaian seragam polis wanita dan semua anggota wanita mesti patuh dengan peraturan yang ditetapkan.

Beliau memberi contoh perbarisan hari ini menunjukkan anggota polis wanita memakai tudung dan ia bukanlah satu masalah kepada mereka.

Isu pemakaian tudung di kalangan anggota polis wanita ditimbulkan pada persidangan Dewan Rakyat minggu ini setelah pembangkang mendakwa kerajaan memaksa polis wanita memakai tudung.

Ini menimbulkan kekecohan kerana penyokong kerajaan menyifatkan pembangkang sengaja menimbulkan isu itu untuk menjadi hero.

Berhubung dengan peruntukan kewangan untuk kelengkapan anggota polis, Abdullah berkata segala bayaran tertunggak seperti pakaian seragam akan dibayar pada tahun ini.

"Apa yang diluluskan dalam Bajet 2006 untuk polis, kerajaan akan laksanakan pada tahun ini," katanya yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri.

Beliau turut memberi jaminan, selepas Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) diluluskan, pasukan polis akan mendapat peruntukan tambahan.

"Kita ingin laksanakan apa yang terbaik untuk meningkatkan tahap keupayaan, profesionalisme, peralatan dan semangat serta moral pasukan polis," kata beliau.

Mengenai penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC), Abdullah berkata segala keputusan akan diumumkan kelak.

Begitu juga dengan keputusan kabinet ter-

Ini peraturan yang dibuat oleh polis, untuk pakaian hari-hari, pemakaian tudung hanya pilihan, bukan wajib, kecuali untuk perbarisan rasmi, kena ikut peraturan

UM - 26/3/2006 - Abdullah Ahmad Badawi



**ABDULLAH** Ahmad Badawi memeriksa perbarisan sambil diiringi Ketua Polis Negara, Bakri Omar pada perhimpunan sempena Peringatan Hari Polis Ke-199 di padang kawat Pulapol semalam.

hadap isu jambatan menggantikan Tambak Johor, beliau secara ringkas berkata ia dalam rundingan.

Sebelum ini Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, satu laporan terperinci mengenai hasil rundingan kali kelima dengan Singapura berhubung pembi-

naan jambatan baru menggantikan Tambak Johor akan dibentangkan kepada Kabinet pada Rabu lalu.

Beliau berkata, hasil rundingan peringkat pegawai sebelum ini telah mencapai kata sepakat untuk mengatur satu mesyuarat teknikal bagi membincangkan tuntutan

tambahan termasuk kebenaran menggunakan ruang angkasa Johor oleh jet pejuang Singapura dan konsesi pembelian pasir.

Sehubungan itu, beliau berkata, kementerian perlu mendapat mandat daripada Kabinet sama ada untuk menghadiri mesyuarat teknikal atau sebarang arahan lain.